

1. Pasangan manakah yang **tepat** tentang lipatan tengkolok diraja yang terdapat di Alam Melayu?

- ☐ A
- | Sultan | Lipatan Tengkolok Diraja |
|--------------|--------------------------|
| Sultan Perak | Belalai Gajah |
- ☐ B
- | Sultan | Lipatan Tengkolok Diraja |
|-----------------|--------------------------|
| Sultan Selangor | Ayam Patah Kepak |
- ☐ C
- | Sultan | Lipatan Tengkolok Diraja |
|---------------|--------------------------|
| Sultan Pahang | Helang Menyongsong Angin |
- ☐ D
- | Sultan | Lipatan Tengkolok Diraja |
|-------------------|--------------------------|
| Sultan Terengganu | Setanjak Balung Raja |

2. Maklumat berikut berkaitan pelabuhan dalam Kesultanan Melayu.

- Pelabuhan Kuala Selangor
- Pelabuhan Kuala Sungai Perak

Mengapakah pelabuhan tersebut terkenal dalam kalangan pedagang asing pada kurun ke-17 hingga ke-19?

- ☐ A Tentera laut kuat
- ☐ B Kadar cukai rendah
- ☐ C Tenaga kerja cekap
- ☐ D Kedudukan strategik

3. Sultan Zainal Abidin III telah melakukan pemodenan di Terengganu. Apakah usaha pemodenan tersebut?

- I Membina Istana Maziah
- II Menubuhkan mahkamah syariah
- III Memperkenalkan mata wang katun
- IV Melantik pegawai Barat sebagai pentadbir

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

4. Karya persuratan berikut merupakan karya sejarah.

Misa Melayu

Siapakah yang mengarang karya tersebut?

- ☐ A Haji Muhammad Nor
- ☐ B Daeng Abdul Hamid
- ☐ C Tun Seri Lanang
- ☐ D Raja Chulan

5. Apakah karya yang ditulis bagi mengisahkan sejarah Kesultanan Terengganu?

- ☐ A Hikayat Seribu Malam
- ☐ B Hikayat Misa Perabu Jaya
- ☐ C Syair Gurindam Dua Belas
- ☐ D Syair Tawarikh Zainal Abidin Ketiga

6. Undang-undang Tubuh berikut telah diguna pakai oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor



Undang-undang tersebut mula digunakan semasa pemerintahan _____.

- ☐ A Sultan Abu Bakar
- ☐ B Sultan Zainal Abidin
- ☐ C Sultan Abdul Aziz Al-Mu'tasim Billah
- ☐ D Sultan Hishamudin Alam Shah Al-Haj

7. Maklumat berikut berkaitan mata wang yang terdapat di Alam Melayu.

- Diperkenalkan di Pahang
- Digunakan pada abad ke-19

Apakah mata wang tersebut?

- ☐ A Mata wang bidor
- ☐ B Mata wang katun
- ☐ C Mata wang kupang
- ☐ D Mata wang tampang

8. *Hukum Kanun Melaka* merupakan asas kepada kelahiran undang-undang bertulis negeri-negeri Melayu.
Apakah warisan perundangan tersebut yang dijadikan asas kepada undang-undang negeri Melayu?
- I Jenayah
 - II Hutang-piutang
 - III Peraturan pelayaran
 - IV Tanggungjawab syahbandar

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

9. Apakah negeri yang mempunyai kaitan dengan penggunaan panji diraja berikut?



- ☐ A Selangor
- ☐ B Kelantan
- ☐ C Terengganu
- ☐ D Negeri Sembilan

10. Apakah asas penggantian pemerintah Kesultanan Melayu Melaka?

- ☐ A Adat Perpatih
- ☐ B Sistem warisan
- ☐ C Adat Temenggung
- ☐ D Sistem penggiliran

11. Mengapakah Sultan Abdul Jamil Shah mengekalkan hubungan dengan Kesultanan Melayu Melaka?

- ☐ A Membentuk empayar yang luas
- ☐ B Melancarkan sistem pentadbiran
- ☐ C Meningkatkan jalinan perdagangan
- ☐ D Membantu menghadapi ancaman luar

12. Antara berikut, yang manakah merupakan warisan Hukum Kanun Melaka?

- I Hukum jual beli
- II Larangan istana
- III Peraturan belayar
- IV Tanggungjawab nakhoda

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

13. Senarai berikut merupakan negeri yang mewarisi Kesultanan Melayu Melaka.

- Pahang
- Terengganu

Apakah persamaan warisan yang diamalkan oleh kesultanan tersebut?

- ☐ A Sistem penggiliran raja
- ☐ B Sistem pewarisan takhta
- ☐ C Sistem pentadbiran berpusat
- ☐ D Sistem pemerintahan demokrasi

14. Sultan Zainal Abidin I telah memperkenalkan mata wang di Terengganu. Apakah mata wang tersebut?

- ☐ A Bidor
- ☐ B Katun
- ☐ C Tampang
- ☐ D Kupang emas

15. Berapa lamakah tempoh perkabungan yang diumumkan oleh kerajaan Perak semasa kemangkatan pemimpin berikut?

Sultan Azlan Muhibbuddin Shah

- ☐ A 30 hari
- ☐ B 40 hari
- ☐ C 99 hari
- ☐ D 100 hari

16. Pelabuhan berikut pernah berkembang maju sebagai pelabuhan entrepot.

Kuala Terengganu

Kemajuan tersebut berlaku pada _____.

- ☐ A abad ke-17
- ☐ B abad ke-18
- ☐ C abad ke-19
- ☐ D abad ke-20

17. Apakah kerajaan negeri yang bertanggungjawab memajukan pelabuhan berikut di negara kita?

Pangkalan Batu

- ☐ A Perak
- ☐ B Pahang
- ☐ C Selangor
- ☐ D Kelantan

18. Rajah berikut berkaitan dengan pelantikan pembesar dalam kalangan kerajaan negeri.



Apakah kerajaan X tersebut?

- ☐ A Kerajaan Perak
- ☐ B Kerajaan Pahang
- ☐ C Kerajaan Selangor
- ☐ D Kerajaan Terengganu

19. Pelantikan Raja Lumu membawa kepada pengasasan Kesultanan Selangor. Pelantikan baginda mendapat pengiktirafan daripada _____.

- ☐ A Sultan Johor
- ☐ B Sultan Perak
- ☐ C Sultan Kedah
- ☐ D Sultan Pahang

20. Peristiwa berikut berlaku di negeri Selangor.

Rakyat mengadakan sambutan keramaian Jubli Emas di Klang sempena genap 40 tahun pemerintahan baginda

Siapakah pemerintah yang dimaksudkan dalam pernyataan tersebut?

- ☐ A Sultan Ibrahim Shah
- ☐ B Sultan Salehuddin Shah
- ☐ C Sultan Ala'iddin Suleiman Shah
- ☐ D Sultan Sharafuddin Idris Shah al-Haj